

pulang dengan kedua-dua kapal tersebut; kerana dengan adanya perbuatan mereka yang demikian itu akan menambahkan beberapa kerumitan yang tidak diinginkan berlaku; dan tidak pula Tuan Pesuruhjaya Haji yang berada di Makkah itu kelak disalahkan oleh orang-orang yang tidak tahu-menahu akan pokok pangkalnya perkara tersebut berlaku.

* * *

Perkara Politik dibawa-bawa?

Baru-baru ini di bangunan rumah sakit Malaysia di Makkah telah diadakan suatu perjumpaan khas dengan para jemaah haji Malaysia oleh pegawai-pegawai penerangan Malaysia yang dihantar khas bersama-sama dengan para jemaah haji itu. Asal tujuan perjumpaan itu memang baik; terutama untuk menerangkan hal-hal yang patut diketahui oleh para jemaah haji yang kebanyakannya terdiri daripada orang-orang awam.

Tetapi yang amat mendukacitakan, di dalam ucapan-ucapan di antara pegawai-pegawai penerangan yang memberikan ceramah mereka itu ada mempersoalkan perkara-perkara siyazah dalam negeri, yang sepatutnya menurut pendapat kita, tidak boleh disebut-sebut dan bukan pada tempatnya patut disebut dan diperkatakan dalam suatu majlis yang dikhususkan untuk para jemaah haji. Daripada ucapan-ucapan yang berbau politik itu sudah tentu tidak sunyi didapati kalimah kata-kata yang bercorak sindir-menyindir di antara satu sama lain. Hal yang seumpama itu tentulah tidak patut diadakan di dalam suatu kawasan Tanah Suci tempat orang-orang Islam sedang melakukan ibadah haji mereka.

Satu lagi perkara yang kita anggap tidak boleh diperkatakan oleh pegawai-pegawai penerangan yang telah ditugaskan memberi ceramah-ceramah kepada para jemaah haji itu, ialah tentang mereka mengecam dan menyentuh soal setengah daripada

para jemaah haji yang datang ke Kota Suci Makkah menjual barang-barang mereka. Menjual barang atau berniaga, bukanlah suatu perkara yang ditegah oleh agama Islam dalam masa menunaikan fardu haji. Hal ini memang ada baiknya jika kita menilik dengan perasaan yang insaf; betapa sulitnya saudara-saudara kita itu hendak menunaikan fardu haji apabila kerajaan mereka masing-masing mengadakan sekatan atau kawalan tentang pembawaan wang ke luar negeri. Dengan kerana itu mereka dari negeri-negeri masing-masing terpaksa membawa sedikit sebanyak barang apa jua yang mereka kira boleh mendapatkan wang untuk mencukupkan perbelanjaan mereka tatkala berada di Tanah Suci. Perbuatan mereka menjual barang itu masih kita anggap mulia, lantaran kita tidak dapati mereka meminta sedekah di sepanjang jalan dan tidak pula mereka mencuri atau mengambil hak kepunyaan orang lain.

Mengapakah kita mesti mencela perbuatan mereka menjual harta benda hak kepunyaan mereka sendiri. Sedang mereka dalam hal yang sedemikian rupa? Sepatutnya kita orang Islam patut sekali bertimbang rasa terhadap mereka itu – jika kita tidak dapat menolong mereka dengan wang ringgit – sekurang-kurangnya kita janganlah mengeluarkan perkataan-perkataan yang menyinggung perasaan dan menyakitkan hati mereka. Sekalipun di antara kita dengan mereka terpisah di dalam siyazah negara, tetapi kita di luar negeri – terutama sekali sewaktu kita berada di dalam kawasan tanah al-Haram yang dimuliakan oleh Tuhan – kita adalah terikat di dalam simpulan tali persaudaraan Islam yang teguh di bawah kibaran panji-panji Tuhan seru sekalian alam yang dibawa dan dikibarkan oleh Junjungan kita Nabi Muhammad (S.A.W). Ingatlah pada masa itu kita masih berada di dalam kawasan tempat beribadah; seluruh umat Islam yang sedang berhimpun di tempat yang suci dan mulia itu dianggap semuanya bersaudara; kesemuanya menjadi

tetamu Allah menghadapkan muka ke arah rumah suci-Nya ke Ka'abah Allah yang mulia, yang didirikan oleh Nabi Allah Ibrahim 'Alayhi al-Salām dengan perintah dari Allah Subhānahu wa Ta'āla.

Berhati-hatilah wahai pemimpin-pemimpin yang beragama Islam, sewaktu memilih dan menghantarkan pegawai-pegawai penerangan yang menyertai rombongan haji pada setiap tahun itu, sebelum mereka dihantar ke Tanah Suci mereka hendaklah dipandu dan diberi pengertian apa ertinyaa menunaikan haji itu, apa ertinya persaudaraan dalam Islam, dan bagaimana caranya kita mesti berkata-kata dan bergerak di luar tanah air kita, tatkala menghadapi saudara-saudara kita umat Islam yang terdiri dari berbagai-bagai bangsa dan warna kulit itu; dan wajib kita menyedari sungguh pun agama rasmi negara kita ialah Islam, tetapi kuatkasa Islam tidak mutlak, kerana kita terikat kepada adanya

rakyat yang berbilang agama, adat resam dan perangai serta akhlaknya.

Berlakulah dengan bijaksana terhadap jiran-tetangga yang bertabiat kasar, di waktu ia melakukan kekasaran terhadap kamu. Jika kamu dari golongan orang yang kurang sabar, maka alangkah baiknya jika kamu berpindah.

- (Sheikh Muhammad Abduh)

Biasakanlah anak-anak kamu bertabiat sopan santun pada masa mereka masih kecil, supaya nanti apabila ayahnya sudah meningkat tua, ia akan bergembira melihat tingkah laku anaknya yang bersopan santun itu.

(al-Hakim)

Sudah Terbit

Buku Baru

Khalifah Umar bin Abdul Aziz

Khalifah Umar Abdul Aziz bukannya sahaja seorang khalifah yang disegani oleh rakyat jelata di antara khalifah-khalifah Bani Umayyah, tetapi juga baginda adalah seorang khalifah yang dipandang adil seadil-adilnya untuk menegakkan kebenaran dan hak sesudah Saiyidina Umar bin al-Khattab.

Bacalah riwayat hidupnya yang penuh dengan perjuangan menegakkan agama Allah, disusun dengan jalan bahasa yang mudah dan senang dibaca oleh semua peringkat.

Pesannya dari sekarang
daripada penerbitnya

Harga sebuah

\$1.40

QALAM

356/8 Geylang Road Singapura 14.